

Pas Sambut Baik Pelaksanaan Projek Mendalamkan Kuala Sungai Besut
Bernama
17 Julai, 2013

KUALA BESUT, 17 Julai (Bernama) -- PAS menyambut baik langkah kerajaan untuk melaksanakan projek mendalamkan kuala Sungai Besut di sini melibatkan kos RM250 juta bagi mengatasi masalah yang dihadapi bot nelayan dan pelancongan.

Pengarah Pusat Penyelidikan PAS Pusat Dzulkifley Ahmad menyifatkan usaha itu adalah sesuatu yang lebih baik untuk masa depan ekonomi penduduk setempat.

"Secara jujuranya, pandangan 'it is long standing issue'. Maksudnya patut bagi lama doh. Tapi dia bagi hari ini kira okey lah," katanya dalam sidang media di markas besar pilihan raya PAS di Kampung Baharu di sini Rabu.

Timbalan Perdana Menteri Tan Sri Muhyiddin Yassin semalam mengumumkan kerajaan Persekutuan bersetuju memperuntukkan RM250 juta untuk projek mendalamkan kuala Sungai Besut yang semakin tohor bagi memudahkan aliran keluar masuk nelayan dan kapal pelancong.

-- BERNAMA

Copyright © 2013 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=963948>